

NO. SOALAN : 386

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATUK DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN
AMAN RAZALI [KUALA NERUS]**

SOALAN :

**Datuk Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-**

- (a) pelaksanaan GST menurut perspektif Indeks Syariah Malaysia;
dan
- (b) kayu ukur pengharaman GST dan kesediaan Kerajaan untuk
membatalkannya jika pada pelaksanaannya itu wujud kayu ukur
pengharaman seperti yang dinyatakan atau jika ia diharamkan
oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

a) Indeks Syariah Malaysia (ISM) adalah suatu indeks yang dibangunkan oleh Kerajaan untuk mengukur dan menilai tahap keseriusan usaha Kerajaan Malaysia dalam mencapai lima *Maqasid as-Syariah* iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Ia merupakan satu kaedah pengukuran saintifik yang menepati tiga (3) fungsi penting, iaitu:

- i. untuk menilai keseriusan usaha yang telah dilaksanakan berkaitan dasar dan program kerajaan dari tahun ke tahun dalam menepati piawaian Islam;
- ii. untuk melihat pencapaian berdasarkan usaha yang telah dilakukan; dan
- iii. untuk mengenal pasti ruang-ruang pembaikan yang perlu diberi fokus oleh Kerajaan, agar lebih banyak manfaat, hasil dari penerapan nilai-nilai sejagat dalam Islam dapat diterima.

Pengukuran ISM dibuat dalam lapan sektor utama pentadbiran negara termasuk sektor ekonomi. Dalam hal ini, sistem percukaian termasuk GST adalah termasuk dalam pengukuran sektor ekonomi di mana antara angkubah yang dinilai dalam

ISM ialah setakat mana negara telah mewujudkan satu sistem percukaian yang adil dalam negara.

- b) Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan pada 21-22 Oktober 2014 telah memutuskan bahawa pelaksanaan GST adalah diharuskan dengan syarat ianya mematuhi beberapa parameter yang telah ditetapkan. Isu GST adalah perkara ijthadiyyah yang telah dikaji secara terperinci oleh ahli pakar dan diputuskan oleh Muzakarah selaras dengan nas-nas yang telah ditetapkan oleh Syarak.

Dari sudut pengukuran ISM terhadap GST, ianya tidak ada kaitan dengan hukum yang telah ditetapkan, tetapi pengukuran hanya dibuat terhadap usaha yang dilakukan oleh Kerajaan dalam sistem percukaian bagi memastikan pelaksanaan GST tidak meruntuhkan mana-mana elemen Maqasid as-Syariah yang ditetapkan oleh Syarak. Kerajaan secara telus akan menerima hasil dapatan kajian dan bersedia melakukan penambahbaikan sekiranya perlu.

Sekian, terima kasih.

